

GELANDANGAN BEKAS BANDUAN: FENOMENA DAN PRAKTIS KERJA SOSIAL

Homeless Ex-prisoner: Phenomenon and Social Work Practice

Mohd Alif Jasni^{1231*}, Nazirah Hassan⁴, Fauziah Ibrahim⁴, Mohammad Rahim
Kamaluddin⁴

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara
Malaysia, Sintok, 06010, Kedah

²Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Universiti
Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah

³Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08,
Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,
43600 Selangor

⁵Asian Research Institute for Governance, (ARICG), Universiti Utara Malaysia,
Sintok, 06010 Kedah

Abstract

Homeless ex-prisoner is a marginal group that experiences various life pressures. They are ex-prisoners who are deprived of various opportunities and end up homeless on the streets. The absence of a post-prison support system resulted in multiple primary need deficits among the ex-prisoners. This situation makes them live in dangerous conditions on the streets. This concept paper reviews previous studies about ex-prisoners' homelessness in terms of the factors that cause them to end up homeless. This paper also suggests social work practices as an intervention in helping homeless ex-prisoners. The practice connects homeless ex-prisoners with appropriate social assistance and services. The paper contributes new information to understanding the homeless ex-prisoners. Thus, interventions to prevent homelessness among ex-prisoners can be effective, and transformation efforts to transit them into productive and law-abiding people can be realised.

Keywords: Homeless ex-prisoners, marginal groups, social work practices, needs deficit, social services

* Penulis koresponden

Pendahuluan

Gelandangan bekas banduan merupakan komuniti paling rentan dalam stratifikasi gelandangan yang ada. Hal ini kerana kesukaran hidup di jalanan yang mereka alami adalah jauh lebih kritikal jika dibandingkan dengan kelompok gelandangan yang lain. Hal ini berpunca daripada pelbagai rintangan dan halangan yang perlu ditempuhi disebabkan oleh status sebagai bekas banduan yang dipegang. Mereka terus 'dihukum' walaupun telah melalui proses pemulihan. 'Hukuman' yang dimaksudkan adalah dari segi penolakan, stigma, diskriminasi dan herdikan masyarakat sekeliling. Rekod jenayah yang dibawa sepanjang umur meninggalkan beban yang besar ibarat sebagai hukuman sepanjang umur. Keengganan majikan mengambil golongan tersebut bekerja menyebabkan peluang mereka untuk bekerja adalah tipis. Keadaan ini mendorong kebanyakan mereka memilih untuk melakukan jenayah sebagai suatu kaedah dalam mendapatkan wang dengan mudah. Pelbagai aktiviti jenayah termasuk mencuri, merompak, menjual dan mengedar dadah mereka lakukan bagi menjana pendapatan secara mudah.

Kehidupan di dalam komuniti ibarat penjara kedua buat gelandangan bekas banduan. Walaupun mereka tidak dikurung tetapi perasaan keterasingan dan pemuluan masih terasa apabila berada di dalam komuniti. Golongan gelandangan bekas banduan telah menghadapi diskriminasi hidup yang sangat teruk. Mereka tiada peluang dan ruang untuk keluar daripada kehidupan bergelandangan. Status bekas banduan yang dipegang menjadikan mereka akan berterusan hidup sebagai gelandangan di jalanan. Penulis melihat golongan ini akan secara berterusan memegang status tersebut sepanjang umur. Malahan ramai di antaranya yang terus hidup di jalanan sehingga tua.

Keadaan ini menjadikan perbincangan penulisan ini sangat penting. Diskusi sebegini membawa suatu wadah perbincangan baru kepada orang ramai. Masyarakat perlu memahami golongan ini dengan terperinci bagi mengisi jurang pengetahuan yang wujud terhadap golongan ini sebagai subjek kajian yang penting. Perbincangan secara ilmiah mampu membuahkan ilham baharu dalam membantu golongan bekas banduan agar mampu keluar daripada kehidupan di jalanan. Para penulis menyulam masuk praktis kerja sosial sebagai medium dalam membantu golongan gelandangan bekas banduan untuk keluar daripada kehidupan di jalanan.

Sorotan Literatur

Gelandangan

Muhamad Syafiq dan Doris (2018) mendedahkan gelandangan merupakan segelintir manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna. Mereka menjelaskan lagi bahawa definisi gelandangan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dikategorikan kepada dua iaitu gelandangan utama dan sekunder. Gelandangan utama merupakan manusia yang tinggal di jalanan tanpa ada tempat perlindungan. Manakala, gelandangan sekunder pula ialah segelintir manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal atau kediaman yang tetap dan berpindah randah mencari penyelesaian.

Muhammad Ammar dan Mohd Anuar (2017) menjelaskan bahawa gelandangan ialah orang yang tiada hala tuju dalam hidupnya namun boleh didefinisikan sebagai manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna kerana faktor kemiskinan dan tinggal di jalanan. Pandangan tentang gelandangan hanya untuk golongan yang tidak mempunyai rumah sahaja ternyata kurang tepat pada hari ini. Hal ini kerana seseorang juga boleh dirujuk sebagai gelandangan apabila tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap terutama apabila mereka perlu menyewa secara harian atau bulanan. Segelintir daripada mereka tidak mampu menyewa tempat tinggal secara bulanan kerana sewaan secara bulanan memerlukan deposit. Atas faktor itu, mereka memilih untuk menyewa tempat tinggal secara harian kerana kadar sewa dibayar secara harian. Mereka hanya perlu mencari wang yang mencukupi setiap hari untuk membayar sewa harian tersebut. Golongan sebegini juga boleh pada bila-bila masa sahaja mengalami masalah ketiadaan rumah atau bilik sewa disebabkan gagal membayar sewa. Ia sering berlaku terutama apabila mengalami kehilangan pekerjaan dan jatuh sakit. Selain itu, ada definisi yang menunjukkan seseorang itu boleh dirujuk sebagai gelandangan apabila mereka menyewa di tempat tinggal yang memerlukan mereka berkongsi dapur dan bilik air.

Gelandangan bekas banduan

Secara mudahnya, gelandangan bekas banduan merujuk kepada golongan yang mempunyai rekod pemenjaraan lampau dan terpaksa berakhir hidup sebagai gelandangan. Dalam konteks gelandangan bekas banduan ini, mereka melibatkan golongan gelandangan yang kronik dan berulang. Mereka yang turut berada dalam kalangan golongan residivis atau merujuk kepada individu yang kerap mengulang jenayah dan memasuki penjara. Ketidadaan pilihan hidup menjadikan bekas banduan yang telah melalui proses pemenjaraan

berulang kali ini akan tetap kembali dan bertumpu di sekitar Kuala Lumpur apabila dibebaskan.

Gelandangan bekas banduan ini mengalami deprivasi sosial dan ekonomi yang menyebabkan mereka berada dalam keadaan marginalisasi yang sangat kronik dan destruktif (Herbert et al., 2015; Mckernan, 2017). Keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan sistem sokongan ketika mereka berada dalam kehidupan bersama komuniti. Pembebasan dari penjara tanpa sebarang bantuan menjadikan mereka tidak mempunyai peluang dalam memastikan kehidupan berintegrasi semula yang berjaya.

Kehidupan tanpa sistem sokongan (Brunton-Smith & McCarthy, 2017) membuatkan mereka tidak mampu keluar dari kehidupan jalanan dan berterusan menjadi gelandangan sehingga sepanjang usianya. Rata-rata gelandangan bekas banduan yang telah meningkat usia dan terkandas di dalam permasalahan sosial yang pelbagai menyebabkan mereka tidak mempunyai pilihan lain melainkan hidup sebagai gelandangan di jalanan. Pilihan menjadi gelandangan merupakan pilihan terakhir buat mereka. Malahan, apa yang lebih menyedihkan, golongan gelandangan bekas banduan ini seakan tidak mempunyai pilihan dalam hidup. Berbeza dengan individu yang mempunyai beberapa pilihan hidup, golongan ini dapat memilih laluan hidup yang ingin diikuti.

Gelandangan bekas banduan seakan tidak mempunyai pilihan apabila setiap kali dibebaskan melainkan kembali ke jalanan di mana berlakunya penumpuan kawan-kawan mereka, tempat yang mereka sudah '*familiar*', akses bantuan makanan yang ada dan bekalan dadah yang mudah diperoleh. Keadaan sebegini menyebabkan mereka selesa untuk berada di jalanan walaupun tanpa memiliki keperluan asas yang mencukupi. Malahan, terdapat juga dari kalangan mereka yang telah berulang kali menjadi gelandangan setiap kali dibebaskan. Terdapat juga banduan yang bakal dibebaskan merancang untuk kembali semula ke sekitar Kuala Lumpur untuk menjadi gelandangan apabila dibebaskan dari penjara.

Berdasarkan penemuan Hasimi (2021), jumlah banduan yang terdapat di penjara seluruh Malaysia terlalu ramai dan melebihi kapasiti had maksimum di penjara. Beliau juga menjelaskan lagi kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu Datuk Seri Ismail Mohamed Said bahawa keseluruhan jumlah banduan di seluruh Malaysia adalah seramai 69,507 orang berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia setakat 25 Ogos 2021. Maka dari kenyataan ini, didapati bahawa banduan di

seluruh Malaysia telah mencapai had maksimum iaitu sebanyak 13.5 peratus. Isu terlebih banduan di penjara ini bermula daripada usaha mengekang wabak COVID-19 yang melanda dan menular dalam penjara.

Selain itu, kerajaan juga memerlukan peruntukan yang besar untuk menampung kos makanan dan lain-lain kos terlibat sebanyak RM630,480 setiap bulan dan setahun kerajaan memerlukan RM230 juta kepada penghuni di penjara. Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri, dengan bilangan pertambahan banduan dalam penjara, kos makanan seramai 69,507 orang banduan adalah sebanyak RM10 per kepala (Malaysiakini, 5 Sept 2020). Penulis melampirkan Jadual 1 dalam memaparkan tentang rekod penghuni penjara bagi tahun 2020. Berdasarkan jadual yang dilampirkan membuktikan bahawa jumlah penghuni penjara adalah begitu tinggi. Ia melibatkan perbelanjaan dan peruntukan yang tinggi dalam menjalankan proses pemulihan kepada golongan banduan ini.

Penulis juga melampirkan Jadual 2 bagi menunjukkan statistik pelepasan banduan secara perintah parol sehingga 2015. Antara objektif utama pelepasan parol adalah bagi mengurangkan kesesakan penjara. Di samping itu, ia menjadi sebagai pemudah cara dalam memulihkan banduan parol untuk berupaya berintegrasi semula ke dalam masyarakat. Pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan kepada banduan parol yang mengikut program ini. Ia bertujuan agar memastikan banduan parol ini dapat menjadi seorang yang produktif dan kembali sebagai manusia yang patuh kepada undang-undang selepas dibebaskan kelak.

Jadual 1: Rekod penghuni penjara bagi tahun 2020

Negeri	Bilangan Banduan Dalam Penjara
Selangor	12259
Perak	6302
Johor	5861
Kedah	5311
Melaka	4774
Pahang	4571

Kelantan	4306
Pulau Pinang	4231
Terengganu	3131
Negeri Sembilan	1665
Perlis	1392
Sabah	5962
Sarawak	3283

Sumber: Malaysiakini (5 September 2020)

Jadual 2: Statistik pelepasan banduan secara perintah parol sehingga 2015

Tahun	Jantina		Bangsa				Jumlah
	Lelaki	Perempuan	Melayu	Cina	India	Lain-lain	
2008	189	10	149	18	19	13	199
2009	684	38	529	74	66	53	722
2010	982	47	789	73	68	99	1,099
2011	1,429	53	711	259	331	181	1,482
2012	1,396	21	1,301	34	46	36	1,417
2013	2,304	121	1,711	251	246	217	2,425
2014	2,195	73	1,694	156	196	222	2,268
2015	2,373	98	1,860	159	156	296	2,471

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia (n.d)

Jika dilihat pada Jadual 2 di atas pelepasan banduan secara perintah parol dari tahun 2008 sehingga 2015 adalah seramai 12,013 orang banduan. Jika diandaikan penerimaan ahli keluarga banduan ialah sebanyak 10 peratus daripada bilangan banduan ini. Timbul persoalan ke mana hala tuju banduan ini selepas bebas daripada penjara? Adakah penerimaan masyarakat kepada

golongan ini semakin pulih atau menolak kehadiran mereka dalam masyarakat? Apakah pekerjaan sesuai yang dilakukan oleh mereka setelah bebas? Di mana mereka akan menginap setelah dibebaskan? Adakah praktis kerja sosial di Malaysia berjaya membantu memberikan pekerjaan dan penginapan untuk mereka? Kesemua persoalan yang timbul membawa kebimbangan yang besar terutama buat gelandangan bekas banduan yang akan berterusan hidup di jalanan tanpa hala tuju yang betul. Sememangnya sebaik sahaja banduan dibebaskan dari penjara, tanggungjawab dan bidang kuasa bukan lagi terletak di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Tiada sumber kuasa yang tepat dalam menjadi agensi yang sepatutnya berusaha dalam membantu golongan ini terutama dalam mengeluarkan mereka dari jalanan.

Semua persoalan di atas bagai tiada jawapan yang pasti. Segalanya bagaikan samar dan tanpa penyelesaian. Berdasarkan laporan statistik di atas, kira-kira 69,000 banduan berada dalam tahanan penjara dalam pelbagai kesalahan yang dilakukan dan pecahan sebanyak 36,000 adalah melakukan kesalahan penagihan dan pengedaran dadah (Berita Harian, 27 April 2019). Menerusi data yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia, seramai 300 orang banduan yang dibebaskan pada setiap minggu (Penempatan Penjara Kajang). Apabila dibebaskan, mereka akan tertumpu dan berhijrah ke bandar seperti di Chow Kit dan Puduraya serta merempat di tepi-tepi jalan sebagai gelandangan tegar (Fahmy, 2019). Hal ini adalah penyebab utama golongan gelandangan bertambah saban minggu. Dengan peningkatan populasi banduan yang menjadi gelandangan ini memberi kesan kepada sistem keadilan jenayah. Fungsi penjara sebagai sebuah institusi pemulihan sering dipersoalkan dari segi keberkesanan dalam memulihkan banduan yang mengikuti proses pemulihan di dalam penjara. Usaha Jabatan Penjara Malaysia dalam memulihkan banduan yang mengikuti program pemulihan di penjara didapati menemui kegagalan apabila semakin ramai banduan tidak dapat berintegrasi semula dalam masyarakat atau berakhir sebagai gelandangan di jalanan. Maka dengan itu, bekas banduan yang tidak berjaya boleh menjadi kayu pengukur dalam memberi gambaran tentang keberkesanan pemulihan di dalam penjara.

Komuniti gelandangan bekas banduan

Bagi banduan yang menjadi gelandangan ini mereka adalah satu kelompok kecil dalam masyarakat yang mengalami pelbagai cabaran berbanding manusia yang biasa. Selain mengalami masalah kewangan kerana tiada yang menawarkan pekerjaan, bekas banduan yang bergelandangan juga mengalami masalah gangguan jiwa yang mana mereka berasa selesa dengan

gaya kehidupan sebagai gelandangan dan tidak mahu berusaha memajukan diri menjadi orang normal.

Penulis mendapati gelandangan bekas banduan banyak mengamalkan sikap hedonisme iaitu keinginan mencapai keseronokan maksimum dalam kehidupan tanpa memikirkan apa yang berlaku pada keesokan hari mahupun hari seterusnya. Sikap hedonisme ini berpunca daripada andaian ingin memastikan kelangsungan hidup pada hari tersebut dan akan memulakan kehidupan esok pada kemudian hari. Pemilihan hidup sebegini sebenarnya menjadi antara penyebab kepada kegagalan mereka ini untuk keluar daripada kehidupan gelandangan.

Sikap hedonisme telah menimbulkan keselesaan dalam diri dengan amalan gelandangan di jalanan. Bekas banduan yang memilih untuk menjadi gelandangan menyebabkan mereka sering dipandang sinis dalam kelompok masyarakat. Golongan gelandangan bekas banduan sering dianggap sebagai seorang yang enggan berusaha dan mempunyai masalah dari segi sikap. Pengakhiran mereka sebagai gelandangan secara berterusan sering diandaikan sebagai pilihan sendiri akibat keengganan untuk berubah dan memperbaiki diri.

Yap (2020) mendedahkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM, 2012) yang telah dibentangkan di parlimen menunjukkan jumlah golongan gelandangan dari tahun 2007 sehingga 2011 adalah 7,833 orang. Pelbagai usaha yang telah dilakukan sama ada dari pihak kerajaan ataupun praktis kerja sosial secara berterusan menyelamatkan dan menyelesaikan masalah isu gelandangan yang telah mencatatkan kelestarian bandaraya Kuala Lumpur.

Jadual 3: Jumlah Orang Papa dari tahun 2009 – 2016

Tahun	Kuala Lumpur	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah
2009	193	1,687	247	1,934
2010	314	1,181	253	1,434
2011	437	1140	306	1,446
2012	239	937	286	1,223
2013	210	854	194	1,048

2014	424	1088	381	1,469
2015	215	1,115	412	1,527
2016	348	1,610	668	2,278

Sumber: JKM, 2017

Statistik di atas membuktikan peningkatan jumlah gelandangan saban tahun. Namun demikian, pengkaji gagal menemui sebarang statistik yang menunjukkan jumlah gelandangan bekas banduan dengan lengkap di dalam negara. Hal ini kerana, statistik gelandangan yang ada lebih umum dengan memaparkan dari sudut jantina, status kewarganegaraan, dan kenegerian. Tiada statistik yang melaporkan jumlah gelandangan yang memiliki sebarang rekod penjara, jenayah mahupun penagihan dadah.

Maka itu, perbincangan tentang gelandangan bekas banduan sebagai fokus kumpulan yang lebih khusus merupakan suatu yang sangat baharu. Ia belum lagi mengambil kira angka gelap bilangan gelandangan. Angka gelap di sini merujuk kepada individu gelandangan yang tidak termasuk ke dalam statistik. Penulis juga melihat gelandangan tidak semestinya melibatkan golongan yang diketahui iaitu '*visible*' sahaja. Hal ini kerana terdapat juga sekumpulan gelandangan yang tidak diketahui (*invisible*) daripada pandangan masyarakat umum. Mereka adalah dari kalangan yang memegang ciri-ciri yang sama termasuk tidak mempunyai tempat tinggal yang stabil, atau tinggal di tempat yang tidak menawarkan infrastruktur yang mencukupi termasuk perlu berkongsi tandas, ketiadaan pengudaraan yang bersih, ketiadaan tingkap yang berfungsi dan sebagainya. Walaupun mereka ini memiliki tempat tinggal namun tempat tinggal yang dimiliki itu tidak stabil dan tidak menawarkan fungsi yang sepatutnya diperolehi oleh sebuah rumah. Penulisan sebegini hadir dengan lensa yang sangat terfokus menjadikan perbincangan yang dilakukan dapat menyumbang kepada badan pengetahuan terutama dari segi keadilan jenayah, sosiologi dan kerja sosial. Hal ini kerana, kepentingan untuk mula memikirkan apa yang dapat dilakukan dalam membantu golongan ini agar mampu keluar daripada kehidupan di jalanan.

Kegagalan golongan banduan dalam berintegrasi semula boleh menjadi salah satu faktor utama penyumbang kepada jumlah gelandangan yang ada di Malaysia. Muhammad Ammar dan Mohd Anuar (2017) menjelaskan banduan yang telah dibebaskan akan memilih beberapa lokasi yang boleh dijadikan tempat berteduh oleh mereka seperti belakang lorong bangunan, kaki lima

deretan kedai, bawah jambatan dan jejambat, rumah ibadat dan mana-mana kedai yang menyediakan kerusi sebagai alas mereka tidur di mana-mana sahaja bergantung kepada kehendak mereka sendiri.

Statistik mendapati banduan yang telah dibebaskan akan memilih beberapa tempat tumpuan seperti Mydin Kotaraya, Masjid Negara, Central Market, Menara Maybank, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, Jalan Tiong Nam atau dikenali sebagai Chow Kit, Jalan Silang, Masjid Jamek, Bank Negara, Bulatan Sultan Mohamad dan Dataran Merdeka. Keadaan ini menyebabkan kepentingan dalam meneliti praktis kerja sosial yang dapat ditawarkan dalam membantu gelandangan bekas banduan agar dapat keluar dari kehidupan jalanan. Namun demikian, sebelum membincangkan tentang praktis kerja sosial yang dicadangkan dalam membantu gelandangan bekas banduan ini, penulis ingin membawa perbincangan kepada senario gelandangan bekas banduan yang wujud di Malaysia. Hal ini bagi membolehkan pemahaman yang lebih lancar terhadap komuniti marginal yang dipilih sebagai fokus di dalam perbincangan ini.

Senario gelandangan bekas banduan di Malaysia

Kini, didapati semakin ramai gelandangan bekas banduan yang bertumpu di sekitar Kuala Lumpur. Mereka tertumpu di Kawasan ini kerana pelbagai faktor seperti perasaan '*familiar*', akses mudah kepada makanan, kehadiran rakan-rakan penjara, penolakan keluarga, ingin mencari peluang pekerjaan, menginginkan kebebasan dan sebagainya (Mohd Alif et al., 2018; Mohd Alif et al., 2021).

Malahan, masalah gelandangan bekas banduan berusia juga bukan suatu yang baharu sebenarnya berlaku di dalam negara. Mereka yang telah menjadi gelandangan sejak institusi kepenjaraan diwujudkan dalam negara. Corak ini turut disaksikan berlaku di negara luar yang turut mengalami keadaan gelandangan bekas banduan yang meningkat usia dan masih berterusan hidup di jalanan. Pelbagai negara luar termasuk Amerika Syarikat, dan United Kingdom memaparkan situasi yang hampir serupa. Bekas banduan yang dibebaskan dari penjara mereka terpaksa berakhir menjadi gelandangan.

Di Malaysia, rata-rata bekas banduan yang dibebaskan dari penjara tidak mendapat sebarang bantuan mahupun perkhidmatan sosial dari pihak penjara. Keadaan sebegini menyebabkan segelintir bekas banduan berakhir hidup sebagai gelandangan. Malahan kota raya sering menjadi destinasi pilihan dalam

kalangan mereka disebabkan jangkakan yang wujud seperti pekerjaan, makanan, peluang, penumpuan rakan senasib dan sebagainya. Walaupun realitinya terdapat jangkakan golongan ini yang meleset apabila kesukaran memperoleh pekerjaan yang stabil yang boleh terjadi disebabkan rekod penjara, stigma majikan, tahap pendidikan. Keadaan ini membuatkan ramai di antara mereka yang akan memilih pekerjaan secara sendiri yang boleh menjadi tidak sah seperti menjaga tempat meletakkan kereta secara haram, meminta sedekah dan mengedar dadah.

Ketiadaan peluang kepada pekerjaan yang stabil menjadikan mereka tidak mempunyai pilihan yang lain. Berbincang tentang keinginan dan bentuk pekerjaan yang diharapkan oleh gelandangan bekas banduan ini menunjukkan keengganan pada pekerjaan yang memerlukan mereka berada di bawah arahan majikan yang ketat, kedatangan yang perlu direkodkan, tempoh masa pekerjaan yang bersifat syif. Akhirnya mereka seakan menginginkan bentuk pekerjaan yang boleh menawarkan kebebasan, peluang dalam menentukan masa pekerjaan, majikan kepada diri sendiri dan boleh memberi gaji secara harian. Keadaan ini membuatkan ramai daripada mereka akan mencari pekerjaan yang berbentuk bayaran harian bagi membolehkan mereka membeli keperluan yang diinginkan.

Perbincangan tentang gelandangan bekas banduan melibatkan pelbagai cakupan. Perbincangan ke atas mereka ini masih belum digiatkan dengan rancak dari segi tempatan dan luar. Kelompok ini tidak dibincangkan dengan teliti dan hanya dapat dilihat dari makna-makna tersirat apabila menyebutkan wujudnya gelandangan dari kalangan yang mempunyai rekod penjara atau mereka yang sering ditangkap atau dipenjarakan. Penulis mendapati perbincangan gelandangan yang banyak dilakukan di dalam negara masih bersifat homogen sedangkan gelandangan ini melibatkan kelompok yang pelbagai.

Terdapat pelbagai lapisan, kelompok, dan jenis gelandangan sebenarnya. Setiap jenis gelandangan membawa cerita dan kisah yang berbeza. Malahan faktor risiko yang membawa kepada pengakhiran seseorang bekas banduan itu menjadi gelandangan juga boleh menjadi sangat pelbagai. Bagi penulis, seseorang menjadi gelandangan itu akan melibatkan beberapa faktor secara bersama. Kehadiran beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu menjadi lebih cenderung berakhir sebagai gelandangan. Hal ini kerana, pada hari ini di dalam negara, masih banyak yang belum diterokai tentang golongan marginal ini.

Ketiadaan kajian yang ekstensif terhadap kelompok ini menjadikan perbincangan sebegini sangat penting. Ia mendorong kepada keperluan untuk menjalankan lebih banyak kajian terhadap golongan gelandangan dengan lebih sistematik dan teratur dengan segera. Faktor yang menyebabkan seseorang bekas banduan menjadi gelandangan boleh menjadi pelbagai dan bertindih di antara satu sama lain. Kehadiran beberapa faktor risiko secara bersama boleh menyebabkan kecenderungan seseorang bekas banduan itu menjadi gelandangan adalah lebih tinggi.

Isu gelandangan adalah satu fenomena tidak asing bagi sesebuah negara yang meningkat maju. Isu gelandangan ini berlaku hampir di seluruh dunia; tanpa mengira negara maju, membangun, sedang membangun dan miskin. Tiada satu negara di dunia yang dapat mengelak dari mengalami isu kewujudan gelandangan. Malahan, tiada praktis kerja sosial atau sistem keadilan atau bidang kerja menolong yang lain mempunyai formula tepat dalam membantu mengurangkan masalah gelandangan bekas banduan ini. Keadaan ini menjadikan isu gelandangan suatu yang merumitkan dan memerlukan penjelasan segera dan pantas dari semua agensi kerajaan dalam membantu kelompok agar dapat keluar daripada kehidupan jalanan.

Masalah gelandangan tidak menampakkan sebarang pengurangan. Malahan, setiap tahun, ia telah membawa kepada peningkatan yang sangat tinggi. Pelbagai usaha, program dan polisi yang diperkenalkan tetapi hasilnya masih belum menampakkan perubahan. Sistem kebajikan di seluruh negara berusaha dengan rancak mencari penyelesaian segera dalam mengurangkan jumlah gelandangan. Isu gelandangan membawa kepada pelbagai permasalahan sosial yang lain dan turut memberi kesan kepada kesejahteraan ummah dan juga kemaslahatan masyarakat. Hal ini kerana membincangkan isu gelandangan turut tidak dapat lari daripada pelbagai permasalahan jenayah yang berlaku. Pelbagai kesan sosial termasuk jenayah yang berlaku akibat daripada masalah gelandangan ini. Golongan yang hadir secara beramai-ramai dan bertumpu di suatu kawasan secara bersama turut membawa pelbagai isu sosial yang melanda. Antaranya seperti mencuri, merompak, bergaduh, menagih dadah dan sebagainya. Kesemua ini mempunyai kesan yang besar kepada sistem kemasyarakatan. Maka dengan itu, mencari cara mengurangkan masalah gelandangan sebenarnya boleh memberi kesan yang baik kepada sistem masyarakat itu sebenarnya. Begitu juga di Malaysia, gelandangan menjadi salah satu faktor dan fenomena yang mengundang pelbagai tanggapan negatif masyarakat. Masalah gelandangan ini mencetus pelbagai hak kemanusiaan dan

implikasi besar kepada kelestarian sistem pembandaran terutama bandaraya dan komuniti bandar amnya (Muhammad Wafi & Syarifah Rohayah, 2017).

Dari segi faktor pula, terdapat beberapa faktor yang mengundang masalah gelandangan. Antaranya, adalah disebabkan tidak mampu membayar sewa, kehilangan pekerjaan, mengalami masalah keluarga, terlibat dengan jenayah, ketagihan dadah, diusir keluar oleh ahli keluarga dan sebagainya (Maruna 2011; Scott et al., 2014; Sota & Agolli, 2015). Semua ini merupakan penyebab utama golongan gelandangan menjadi semakin bertambah saban tahun. Gelandangan melibatkan spektrum yang besar iaitu meliputi pelbagai kelompok seperti penagih dadah, bekas banduan, pekerja seksual, warga tua, orang kurang upaya dan belia.

Namun, penulisan ini hadir dengan lensa yang lebih khusus iaitu untuk membincangkan tentang gelandangan bekas banduan iaitu individu yang mempunyai rekod pemenjaraan dan terpaksa berakhir sebagai gelandangan di jalanan. Mereka ini dari kalangan yang telah dibebaskan daripada penjara sukar mencari tempat tinggal yang sempurna sehingga menyebabkan mereka terpaksa menjadi gelandangan. Penolakan dari keluarga dan masyarakat turut menjadikan mereka terpaksa memilih menjadi gelandangan. Mohd Alif et al., (2018) turut membincangkan tentang penghijrahan dari tempat asal ke kawasan baharu disebabkan oleh masyarakat yang tidak mahu menerima mereka dalam kampung dan kelompok komuniti mereka. Penolakan sebegini mengundang kepada tertumpunya golongan gelandangan ke kota raya secara tidak langsung.

Banduan yang telah dibebaskan daripada penjara akan mula melakukan penghijrahan ke bandar besar seperti Kuala Lumpur dengan hasrat untuk memulakan hidup baharu dan mencari pendapatan. Menurut Mohd Alif (2018) lagi, tinjauan mendapati kelompok banduan tertumpu di kawasan penempatan gelandangan yang sama seperti di Jalan Chow Kit, Pudu dan sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Gelandangan yang terdiri daripada banduan ini amat terjejas dan kembali mengulangi kesilapan lalu seperti terlibat dengan gejala penagihan dadah dan kesalahan jenayah. Golongan banduan yang terjerumus dalam kancah jenayah dan kebiasaannya kembali semula melakukan kesalahan lampau disebabkan oleh faktor pergaulan dan berkawan sesama bekas banduan yang telah menggalakkan pengaruh melakukan jenayah adalah tinggi. Menurut Fahmy (2019), statistik menunjukkan hanya sepuluh peratus sahaja antara bekas banduan dijemput pulang oleh ahli keluarga dan selebihnya mereka adalah gelandangan yang akan menghuni mana-mana pusat gelandangan yang diberikan oleh kerajaan atau akan bergelandangan di sekitar jalan-jalan di kota

raya. Tinjauan mendapati tempat pilihan untuk banduan bergelandangan ialah seperti di bawah jambatan, belakang bangunan, di bawah jejambat jalan raya dan sebagainya.

Dengan itu, tiada jaminan untuk bekas banduan ini tidak kembali melakukan kesalahan lalu walaupun telah melalui pemenjaraan di dalam penjara. Usaha sistem keadilan jenayah dalam membantu banduan menemui jalan buntu apabila pengulangan jenayah yang berterusan disebabkan pergaulan bekas banduan dan ketidakselesaian tempat tinggal sebagai gelandangan menjadi faktor utama mereka kembali terjebak dalam kancah jenayah. Penulis mendapati pengalaman berasa takut dengan keadaan penjara sering berlaku pada seseorang yang baru pertama kali memasuki penjara. Namun, perasaan takut atau bimbang akan berkurang malahan tidak ada lagi apabila telah berulang kali masuk ke dalam penjara. Hal ini berpunca daripada pengalaman berulang kali dan keterbiasaan dengan suasana di dalam penjara menjadikan gelandangan bekas banduan yang perlu memasuki penjara semula akan melihat ia sebagai satu persinggahan sementara. Mereka sedar untuk tempoh yang tidak lama yang mereka akan dibebaskan semula dari penjara ini.

Maka itu, pengulangan proses pemenjaraan sebenarnya tidak akan memberi kesan mahupun teladan buat golongan ini. Keadaan ini menjadikan proses pemulihan tidak dapat dilakukan. Falsafah hukuman dalam memberi kesedaran dan keinsafan tidak mungkin dapat berlaku untuk golongan yang berulang kali masuk ke dalam penjara ini. Kesukaran penerimaan daripada masyarakat dan keluarga menjadikan banduan yang dibebaskan terpaksa berakhir hidup menjadi gelandangan.

Bagi bekas banduan yang keluar dari penjara yang berada di sekitar Lembah Klang, mereka memilih Chow Kit dan Puduraya sebagai dua lokasi utama tumpuan gelandangan (Fahmy, 2019). Bekas banduan yang dibebaskan daripada penjara sering mengalami masalah kewangan dan mereka akan melakukan aktiviti jenayah bagi mudah menjana duit bagi menyara kehidupan mereka. Kesukaran mencari pekerjaan disebabkan label banduan yang telah menyebabkan mereka berada dalam situasi tekanan emosi serta akhirnya mengulangi semula aktiviti jenayah. Segelintir banduan yang hidup bergelandangan ini mempunyai corak kehidupan yang perit dan memilukan akibat daripada penolakan masyarakat dan keluarga terdekat (Mohd Alif et al., 2018).

Praktis Kerja Sosial dalam Membantu Gelandangan Bekas Banduan

Tidak semua banduan yang hidup bergelandangan kembali semula melakukan kesalahan jenayah lampau. Mereka cuba untuk berubah dengan tidak akan mengulangi kesalahan lampau. Mereka mencuba kembali untuk hidup dalam keadaan normal seperti semua manusia yang lain. Proses ini akan berjaya jika terdapat praktis kerja sosial dalam membantu bekas banduan yang bergelandangan berjaya menarik kehidupan banduan ini normal seperti manusia lain.

Mohd Alif et al. (2018), mendedahkan bahawa menerusi kegiatan praktis kerja sosial dapat membantu bekas banduan yang hidup bergelandangan menjadi pendorong utama bagi banduan agar tidak terlibat semula dengan gejala tidak sihat atau melakukan semula jenayah. Keterlibatan praktis kerja sosial dalam membantu gelandangan terutama bekas banduan memberikan pengaruh yang besar kerana pihak kerja sosial ini boleh menyalurkan bantuan dan intervensi yang bersesuaian kepada mereka.

Wujud keperluan buat kerja sosial untuk memberikan perhatian khas ke atas golongan gelandangan yang terpinggir ini terutama daripada kalangan yang merupakan bekas banduan. Hal ini kerana segelintir banduan telah disisihkan oleh ahli keluarga mereka dan merempat di merata tempat sebagai gelandangan untuk meneruskan kehidupan selepas dibebaskan daripada penjara. Sebagai gantinya golongan praktis kerja sosial menjadi agen komuniti terbaik yang rapat dan cuba membantu mereka dan menyalurkan intervensi kepada mereka untuk berubah dan hidup dalam keadaan normal. Banduan memerlukan proses semangat yang berterusan daripada komuniti untuk meneruskan kehidupan agar tidak akan mengulangi semula kesilapan lampau mereka.

Keadaan hidup gelandangan bekas banduan yang sangat sukar menyebabkan penulis mencadangkan agar keperluan memperkenalkan suatu bentuk praktis kerja sosial untuk membantu golongan tersebut. Hal ini berpunca daripada kegagalan berintegrasi semula dan kemelamatan hidup gelandangan bekas banduan di jalanan menjadikan keperluan praktis kerja sosial yang dapat diperkenalkan segera. Praktis kerja sosial ini boleh didefinisikan sebagai satu aktiviti yang profesional yang melakukan kerja-kerja dalam membantu golongan individu dan masyarakat dalam meningkatkan diri mereka untuk keluar daripada masalah sendiri atau memperbaiki diri untuk memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh manusia (Morales & Sheafor, 1998).

Gelandangan bekas banduan hidup dalam keadaan defisit serta menghadapi kegagalan dalam memenuhi keperluan asas hidup. Maka dengan itu, pengenalan praktis kerja sosial juga dianggap sebagai satu sumbangan aktiviti yang amat profesional dalam membantu individu, kumpulan serta komuniti dalam meningkatkan peranan sosial dalam mencapai matlamat (National Association of Social Work, 1973). Hal ini selari dengan objektif kertas ini untuk mencadangkan keperluan praktis kerja sosial yang dilihat bersesuaian dalam membantu gelandangan bekas banduan terutama berusaha untuk memperbaiki kehidupan mereka sekali gus mengeluarkan daripada kehidupan jalanan.

Berdasarkan teks ucapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2021), semasa sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia mendedahkan pengertian praktis kerja sosial dari aspek keseluruhan kerana berlaku kekeliruan pengertian daripada masyarakat berkenaan dengan peranan sebenar yang dimainkan oleh pekerja sosial ini. Menurut beliau, pekerja sosial merupakan seorang individu yang telah dilatih bagi memfokuskan matlamat kefungsi sosial ke arah meningkatkan kesejahteraan negara, masyarakat, kumpulan, keluarga, organisasi dengan menggunakan kaedah kerja kes kumpulan, komuniti dasar perancangan, pembangunan atau penyelidikan sosial yang diasaskan berpaksikan pengetahuan, nilai-nilai dan prinsip, kod etika dan kemahiran kerja sosial. Sebagai contoh, dalam penulisan ini ialah membantu bekas banduan yang menjadi gelandangan supaya mereka dapat keluar daripada kehidupan jalanan sekali gus tidak terjebak dalam kancah jenayah yang dilakukan terdahulu.

Praktis kerja sosial amat diperlukan dalam membantu golongan ini keluar daripada kehidupan di jalanan. Praktis kerja sosial boleh membantu dalam memfokuskan kepada beberapa cabang seperti pendekatan spiritual, pendidikan, pekerjaan, sosioekonomi dan budaya. Menurut Muhammad Syafiq dan Doris (2018), praktis dengan kumpulan mampu memberikan kepuasan dan interaksi golongan gelandangan dan meningkatkan daya pencapaian. Menurut mereka lagi praktis kerja sosial adalah satu aktiviti yang memfokuskan kepada satu matlamat yang jelas dan bersistematik yang dipandu oleh pekerja sosial yang profesional. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kerja sosial adalah satu pendekatan perkhidmatan kepada individu dengan menyediakan satu penghayatan pengalaman sendiri dalam bentuk kumpulan. Dalam meniti arus kemodenan negara, golongan profesional haruslah tampil ke hadapan membantu golongan gelandangan bekas banduan yang terpinggir. Oleh yang demikian, praktis kerja sosial ini mampu membantu gelandangan bekas banduan untuk memajukan diri dan meningkatkan ekonomi bagi membebaskan mereka

daripada hidup bergelandangan. Pekerja sosial boleh mendekati golongan tersebut untuk menyelami keperluan dan masalah secara terperinci dan memberi bantuan berdasarkan keperluan. Praktis kerja sosial mempunyai pelbagai cabang mengikut matlamat kumpulan khidmat sokongan ini.

Selain itu, praktis kerja sosial awam juga melibatkan agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Institusi ini perlu menguruskan golongan gelandangan di Malaysia untuk memastikan semua orang hidup dalam keadaan aman sejahtera. Salah satu perkhidmatan yang dilakukan oleh JKM ialah perkhidmatan kerja sosial yang disampaikan secara terus oleh kakitangan awam JKM. Pelbagai bantuan dan perkhidmatan yang dapat disalurkan dalam mengeluarkan gelandangan bekas banduan dari kehidupan jalanan. Penyaluran perkhidmatan bantuan dan sokongan yang dapat diperkenalkan dalam memastikan golongan gelandangan bekas banduan ini dapat menjadi seorang yang produktif dan mampu menyumbang kepada negara. Buat masa ini, bantuan sedia ada kebanyakannya bukan berbentuk jangka masa panjang. Penulis mendapati bantuan yang ada bukan berdasarkan kepada pengamalan praktis kerja sosial yang sebenar. Sememangnya terdapat bantuan kerajaan dari segi bantuan bayaran tempat tinggal kepada permohonan yang rata-rata dari golongan miskin bandar termasuk buat golongan gelandangan ini. Hal ini kerana, peranan pekerja sosial yang pelbagai boleh membentuk ruang dan peluang yang baharu buat golongan gelandangan bekas banduan dalam memastikan kejayaan berintegrasi semula. Malahan, Jabatan Penjara Malaysia turut perlu memainkan peranan penting dalam membantu golongan gelandangan bekas banduan ini. Walaupun banduan yang telah dibebaskan atau golongan gelandangan bekas banduan ini bukan lagi berada di bawah bidang kuasa Jabatan Penjara Malaysia. Namun kehadiran Jabatan Penjara Malaysia secara bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh memberi kesan yang lebih besar dalam membantu golongan gelandangan bekas banduan ini.

Mohd Alif et al. (2020), mendapati pelbagai usaha telah dijalankan oleh kumpulan NGO untuk menyantuni dan menolong menyelamatkan gelandangan semasa PKP. Namun demikian, tidak banyak NGO dan sukarelawan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran praktis kerja sosial yang sebenar. Praktis kerja sosial hanya boleh diamalkan oleh pengamal yang telah mengikuti pendidikan bidang kerja sosial. Hal ini membuatkan perlunya sukarelawan terlibat untuk meningkatkan kompetensi kerja sosial yang boleh membantu meningkatkan lagi kefungsi golongan gelandangan bekas banduan. Penyaluran bantuan dan perkhidmatan yang bersesuaian mengikut keperluan

gelandangan bekas banduan dijangka dapat membantu mereka mengeluarkan diri daripada kehidupan jalanan. Malahan, pekerja sosial yang ada boleh digunakan dalam menggembelng dan memobilisasi semua pemegang taruh untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan. Peranan dan kompetensi dalam praktis kerja sosial boleh dipertingkatkan di semua peringkat termasuk kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu gelandangan bekas banduan.

Menurut Jude (2021), beberapa banduan yang menjadi gelandangan telah dibantu dan ramai di antara mereka gembira dan berterima kasih atas bantuan yang diberikan sepanjang tempoh PKP. Pelbagai praktis kerja sosial yang diperkenalkan dalam menyalurkan bantuan dan perkhidmatan kepada golongan yang tinggal di jalanan ini. Antaranya seperti memenuhi keperluan asas, bantuan peluang pekerjaan, tempat tinggal, bantuan guaman dan menghubungkan mereka dengan sistem sosial berdasarkan keperluan mereka. Jelas di sini, peranan yang dimainkan oleh praktis kerja sosial ini berjaya memberikan kesan yang signifikan kepada bekas banduan yang menjadi gelandangan.

Sofea (2021) mencadangkan intervensi-intervensi berikut dalam membantu golongan sasaran ini:

- (1) Pihak kerajaan perlu membuka ruang kepada semua NGO yang merupakan pekerja sosial untuk lebih aktif. Maklum balas NGO ini dapat membuka ruang mendekati golongan gelandangan;
- (2) Pihak kerajaan juga perlu menggubal dasar yang selaras dengan perubahan semasa kini bagi membantu golongan gelandangan yang memerlukan pertolongan. Seperti sedia maklum bahawa bekas banduan yang menjadi gelandangan mempunyai masalah dan sejarah tersendiri dan memerlukan khidmat sokongan sosial yang cekap untuk mengenal pasti masalah dan pertolongan yang sesuai;
- (3) Pihak kerajaan juga perlu menetapkan gaji harian minimum yang sesuai dengan pekerjaan untuk bekas banduan agar mereka tidak dimanipulasikan oleh pihak yang berkepentingan dan mengambil kesempatan atas mereka.

Pandangan yang diberikan oleh Sofea (2021) mendorong penulis mencadangkan agar pekerja sosial terlibat untuk menggerakkan NGO ke arah mengamalkan praktis kerja sosial. Menurut Syazwani et al. (2019), antara nilai yang boleh dipegang oleh pekerja sosial adalah seperti menjaga maruah klien, penerimaan, tidak menghukum, keindividuan, penentuan sendiri, kerahsiaan dan penglibatan emosi. Selain itu, strategi pendekatan komunikasi adalah salah satu

langkah berkesan bagaimana praktis kerja sosial ini boleh berdepan dengan gelandangan memujuk dan berbicara dengan mereka. Menurut Mohd Alif et al. (2020), komunikasi yang berkesan antara pekerja sosial dengan gelandangan telah memberikan peluang positif untuk bertukar idea dan memperluaskan rangkaian sosial mereka.

Komunikasi yang berkesan dapat membantu hubungan yang disemai dengan kasih sayang kerana mengendalikan golongan ini perlu mempunyai satu perasaan belas kasihan yang kuat. Berikut adalah strategi kemahiran komunikasi untuk berhadapan dengan gelandangan dan juga bekas banduan serta manfaat komunikasi yang boleh diamalkan (Mohd Alif et al., 2020):

- a. *Pendekatan sebagai seorang sahabat dan kawan baik*
Pekerja sosial perlu mengeratkan hubungan silaturahim dengan sesiapa sahaja. Pekerja sosial perlu sentiasa meningkatkan kemahiran interpersonal dan perlu meluaskan jaringan rangkaian sosial serta kenalan. Apabila mempunyai kemahiran interpersonal memudahkan pekerja mendekati golongan sasaran yang dimahukan seperti bekas banduan ini. Pendekatan yang teliti dengan beramah mesra dan cuba menyemai dan merasai masalah luahan hati bekas banduan yang bergelandangan secara tidak langsung ianya membuahkan sedikit rasa percaya dan selesa.
- b. *Pendekatan penggunaan bahasa yang sesuai dengan bekas banduan bergelandangan*
Berurusan dengan kelompok ini memerlukan bahasa yang mudah difahami dan berkesan. Mereka tidak boleh menggunakan bahasa aras tinggi dan juga bahasa Inggeris dalam penyampaian golongan sasaran ini. Bahasa yang sesuai dan mudah, sangat membantu pekerja sosial ini. Apabila penggunaan bahasa yang mudah maka jalinan kemesraan dipupuk semasa berbicara tanpa sedar. Topik yang diperkatakan perlulah diminati oleh bekas banduan yang bergelandangan ini dan secara tidak langsung ianya membentuk keselesaan antara kedua-dua pihak.
- c. *Komunikasi badan*
Teknik ini adalah teknik bukan lisan. Berkomunikasi seperti ini adalah mudah. Terdapat juga segelintir kelompok ini faham berbicara menggunakan bahasa tubuh badan dan peka dengan arahan diberikan oleh pekerja sosial. Seperti tunduk hormat memberikan keselesaan kepada gelandangan terbahit.
- d. *Mengelak menggunakan perkataan sensitif*

Semasa berkomunikasi secara spontan dengan banduan, pekerja sosial perlu mengelak menggunakan perkataan sensitif. Jika menggunakan bahasa yang sensitif kemungkinan besar banduan akan bertindak agresif atau mencederakan pekerja sosial.

Pekerja sosial juga boleh memainkan pelbagai peranan mereka. Antara peranan yang boleh dimainkan seperti *mediator*, *enabler* dan *empowerer*. Pekerja sosial lebih menjurus kepada membantu klien untuk mendapatkan sumber-sumber yang diperlukan. Selain itu, menurut Faiz (2021), kerajaan juga cuba mencari jalan bagi membantu bekas banduan bergelandangan, antaranya menyediakan pekerjaan. Beliau menjelaskan lagi usaha kerajaan dalam melatih gelandangan menjalankan pertanian bandar. Mereka juga perlu melatih mereka menjadi produktif dengan menyediakan ladang dan tempat tinggal separa kekal.

Selain itu, banduan bergelandangan yang dikenal pasti oleh pekerja sosial yang kembali semula menagih dihantar semula ke pusat pemulihan. Mereka juga akan mencari dan menghubungi keluarga banduan bagi memastikan mereka kembali ke pangkuan keluarga. Di samping itu, pekerja sosial juga perlu memastikan mereka dapat tempat tinggal dengan membayar sewa untuk mereka sepanjang tempoh PKP bagi memastikan mereka duduk di rumah dan tidak terabai di kaki lima sepanjang pandemik.

Majlis Keselamatan Negara (n.d) telah mendedahkan beberapa inisiatif bekerjasama dengan sektor swasta menawarkan pekerjaan yang sesuai untuk membantu bekas banduan bergelandangan ini. Dengan menawarkan sesi temuduga ketika pandemik dan juga memberikan mereka latihan kemahiran yang bersesuaian membolehkan mereka mendapat nilai tambah kemahiran untuk menjana pendapatan. Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta untuk membantu gelandangan dan bekas banduan yang merempat untuk diberikan kaunseling dan peranan pekerja sosial NGO membantu golongan sasaran ini kembali hidup normal seperti manusia biasa (Norafiza, 2020).

Keadaan ini membuktikan praktis kerja sosial yang dilaksanakan secara sistematik dapat memberi manfaat yang besar kepada golongan tersebut. Menerusi penulisan ini, para penulis berharap pihak kerajaan dan bukan kerajaan dapat mengambil ilham yang dicadangkan ini untuk membantu gelandangan bekas banduan. Keadaan hidup gelandangan bekas banduan yang terdesak dan miskin memerlukan langkah pencegahan dan bantuan yang

lengkap. Praktis kerja sosial membantu gelandangan bekas banduan yang hidup dalam keadaan rentan di dalam negara.

Penutup

Peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial sangat diperlukan untuk memberi perkhidmatan psikososial, bimbingan dan tunjuk ajar kemahiran bagi membantu gelandangan bekas banduan meneruskan kehidupan. Pekerja sosial boleh memberi sokongan emosi kepada gelandangan bekas banduan untuk terus berubah dan memastikan mereka tidak terjebak semula dengan jenayah. Pekerja sosial boleh berperanan membantu gelandangan bekas banduan mendapatkan pekerjaan di pelbagai sektor swasta dan kerajaan. Usaha sebegini sedikit sebanyak memberikan kelegaan buat mereka dalam meneruskan hidup. Perbincangan sebegini dapat dijadikan ilham dalam mencetuskan pelbagai gerakan dan idea baru dalam menyalurkan perkhidmatan yang bersesuaian kepada golongan ini. Hal ini kerana, agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan dapat menggunakan maklumat ini dalam membantu golongan gelandangan bekas banduan agar mereka dengan lebih berkesan. Mereka merupakan golongan yang terpinggir yang perlu dibantu secara berterusan. Pelbagai perkhidmatan boleh disediakan atau disalurkan mengikut keperluan gelandangan bekas banduan agar dapat keluar daripada kehidupan bergelandangan.

Penghargaan

Penulis memperoleh geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 bertajuk '*Pembinaan Dan Pengujian Modul Minda Keusahawanan Gelandangan Bekas Banduan: Inisiatif Dan Impak Koreksional*' sebanyak RM 10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 Bertajuk '*Bengkel Program Kesukarelawanan Bandar Selamat*' (KBS) dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk kajian ini.

Rujukan

Anon. (5 Sept 2020). 63048 banduan kos makan sehari RM10 seorang. Malaysiakini, 5 Sept 2020. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/news/541327>

Anon. (27 April 2019). Peluang kedua elak bekas banduan tersisih. Laporan Berita Harian, 27 April 2019. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/06/572561/peluang-kedua-elak-bekas-banduan-tersisih>

Azahar, S. (25 Jan 2021). Fahami gelandangan serta beri perhatian yang lebih. Msn news, 25 Jan 2021. Diakses dari <https://www.msn.com/en-my/news/national/fahami-gelandangan-serta-beri-perhatian-yang-lebih/ar-BB1d3EJL>

Brunton-Smith, I. & McCarthy, D. 2017. The effects of prisoner attachment to family on re-entry outcomes: a longitudinal assessment. *The British Journal of Criminology*, 57(2), 463–482.

Drani, S., Azman, A. & Jamir Singh, P. S. (2019). Pengetahuan gelandangan terhadap peranan dan keperluan pekerja sosial. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2), 141-154.

Fahmy A Rosli. (27 April 2019). 90 peratus bekas banduan disisih, tiada tempat dituju antara punca terpaksa hidup sebagai gelandangan. Berita Harian, 27 April 2019. Diakses daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20190427/281517932533809>

Faiz Zainudian. (27 Januari 2021). Kerajaan akan sedia ladang di KL bantu gelandangan. *Freemalaysia*, 37 Januari 2021. Diakses dari <https://www.freemalysiatoday.com/category/b>

Hasimi Muhamad. (28 Sepetember 2021). Dewan Rakyat: jumlah banduan di penjara melebihi kapasiti sebenar-Timbangan Menteri KDN. *Astro Awani*, 28 September 2021. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-rakyat-jumlah-banduan-di-penjara-melebihi-kapasiti-sebenar-timbangan-menteri-kdn-322237>

Herbert, C.W., Morenoff, J.D. & Harding, D.J. (2015). Homelessness and housing insecurity among former prisoners. *The Russell Sage Foundation Journal of the Social Sciences*, 1(2), 44–79.

Idris, M. A. H. dan Ramli, M. A. (2017). *Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran asnaf Ibnu Al- Sabil dan Al-riqab*. Akademi Pengajian Islam Kotemporari, UITM Shah Alam.

Jaafar, N. (14 April 2020). Dana RM1 juta bantu gelandangan: Annuar. Sinar Harian, 14 April 2020. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/>

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017). Jumlah orang papa dari tahun 2009-2016. Diakses dari www.jkm.gov.my

Jabatan Penjara Malaysia (n.d). Statistik pelepasan banduan secara perintah parol. Diakses dari https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pelepasan-banduan-secara-perintah-parol

Jude, W. (16 Feb 2021). Kegembiraan mereka kepuasan kami, kata NGO bantu gelandangan di Sabah. Free Malaysia, 16 Feb 2021. Diakses dari <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/02/16/kegembiraan-mereka-kepuasan-kami-kata-ngo-bantu-gelandangan-di-sabah/>

Majlis Keselamatan Negara (n.d). 235 gelandnagan telah ditawarkan pekerjaan. Diakses dari <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2021/10/27/235-gelandangan-telah-ditawarkan-pekerjaan/>

Maruna, S. (2011). Reentry as a rite of passage. *Punishment & Society*, 13(1), 3–28. <https://doi.org/10.1177/1462474510385641>

McKernan, P. (2017). Homelessness and prisoner reentry: Examining barriers to housing stability and evidence-based strategies that promote improved outcomes. *Journal of community corrections*, 7-28.

Mohd Alif Jasni. (2018). *Keperluan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan*. Ijazah Doktor Falsafah dalam Keadilan Jenayah. UM.

Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md. Shahid, Noralina Omar, & Zaiton Azman. (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Geografia*, 14(1), 87-101.

Mohd Alif Jasni, Norruzeyati Mohd Che Nasir, & Fauziah Ibrahim. (2020). Strategi komunikasi dengan gelandangan semasa Pandemik Covid-19: pengalaman sukarelawan sepanjang fasa perintah kawalan pergerakan di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 15, 57-91.

Mohd Alif Jasni, Noralina Omar, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Norruzeyati Che Mohd Nasir. (2021). Meneroka faktor peribadi gelandangan bekas banduan berhijrah secara berulang kali ke kuala lumpur dari perspektif Teori Migrasi oleh Everett S. Lee. *Sains Humanika*, 13(3), 49-60.

Morales, A. and Sheafor, W., (2004). *Social Work (10th Ed.)* Pearson

Muhamad Sham, M. S., & Selvaratnam, D. P. (2018). Strategi kelangsungan hidup gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. *Sains Humanika*. 19-29

National Association of Social Work (1973). The value base of social work. *Journal of education for social work*, 9, 34-42

Ramli, M., & Sheikh Dawood, S. (2017). Memahami permasalahan golongan terpinggir Bandar: kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 5(2), 78-94

Scott, C., Grella, C., Dennis, M. & Funk, R. (2014). Predictors of recidivism over 3 years among substance-using women released from jail. *Criminal Justice and Behavior*, 41(11), 1257-1289. <https://doi.org/10.1177/0093854814546894>

Sota, M. & Agolli, I. (2015). Risk and protective factors to prevent recidivism of minors in criminality, a preventive approach in criminal justice. *European Scientific Journal*, 11(20), 1857 – 7881.

Teks Ucapan YB Datuk Seri Rina Mohd Harun. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Program Apresiasi Pekerja Sosial Sempurna Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2021. Hotel Marriot Putrajaya 16 Mac 2021.

Yap, J. (2020). Gelandangan oh gelandangan. Sinar harian, 18 Mei 2020. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/83978/KOLUMNIS/Gelandangan-oh-gelandangan>